

Prakelayakan 31 firma untuk 5 tender MRT

KUALA LUMPUR 27 Mei - MRT Corp. hari ini mengumumkan 31 syarikat telah diberi prakelayakan untuk membida bagi lima pakej kerja-kerja sistem bagi projek Transit Aliran Berkapasiti Tinggi (MRT) yang menghubungkan Sungai Buloh dan Kajang.

"Sebanyak 76 syarikat mengambil bahagian dalam aktiviti prakelayakan antara 9 Jan dan 12 Mac, 2012," kata Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp., Datuk Azhar Abdul Hamid dalam satu kenyataan.

Tender-tender itu, yang dibuka minggu ini, bernilai RM791 juta.

Bagi sistem telekomunikasi atau pakej S07, lapan syarikat yang diberi prakelayakan ialah Indra Technology Solutions Malaysia Sdn. Bhd., Samsung SDS Co. Ltd., Apex Communications Sdn. Bhd. - LG CNS Consortium, CMCE - Thales Consortium (CTC), EVD - REI JV, Mitsubishi Heavy Industries, Ltd., Alcatel-Lucent Malaysia Sdn. Bhd. & Mitsui & Co. Plant Systems Ltd. dan Siemens AG and Siemens Malaysia Sdn. Bhd.

Bagi Skop Sistem Kawalan Penyeliaan dan Pemerolehan Data (SCADA), empat syarikat terbabit, iaitu AFS Engineering (M) Sdn. Bhd. - ST Electronics JV; CTC, Mitsubishi Heavy Industries Ltd., dan Apex Communications Sdn. Bhd. - Beijing Hollysys Ltd. Consortium.

Bagi Sistem Kutipan Tambang Automatik (AFC) atau pakej S09, syarikat yang diberi prakelayakan adalah Mitsubishi Heavy Industries Ltd., Indra Tech Solutions Malaysia Sdn. Bhd. - Hopetech Sdn. Bhd., Samsung SDS Co. Ltd., Sapura - Thales Consortium (STC), Heitech Padu Bhd. dan Affiliated Computer Services Solutions France SAS.

MRT Corp. berkata, enam syarikat diberi prakelayakan bagi pakej S10 atau Sistem Kawalan Akses Elektronik, iaitu Indra Technology Solutions Malaysia Sdn. Bhd., KUB Telekomunikasi Sdn. Bhd., Pernec Corporation Bhd., Honeywell Engineering Sdn. Bhd., Apex Communications Sdn. Bhd., Johnson Controls (M) Sdn. Bhd. dan Heitech Padu Bhd.

Bagi pakej S11 atau Building Management System (BMS), MRT Corp mengumumkan empat syarikat iaitu Metronic Engineering Sdn. Bhd., KUB Telekomunikasi Sdn. Bhd., Pernec Corp. Bhd., Honeywell Engineering Sdn. Bhd., Apex Communications Sdn. Bhd. - Johnson Controls (M) Sdn. Bhd. dan Heitech Padu.